

Usah ikut perasaan ketika pilih kerajaan

UM 13 APR 2002

KOTA BHARU 12 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya tidak mengikut perasaan ketika membuat keputusan dalam memilih kerajaan kerana ia boleh mengancam masa depan mereka dan juga negara.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, dalam membuat sesuatu keputusan berhubung perkara itu ia harus dilakukan dalam keadaan yang tenang dan fikiran yang waras dengan menilai kebolehan pihak-pihak yang berminat untuk menjadi kerajaan.

"Ini kerana kita tahu kalau sedang marah, keputusan yang dibuat jarang sekali bijak, bila marah kita melakukan benda yang tidak dilakukan semasa fikiran tenang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pejumpaan dan dialog dengan pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan di kampus Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian di sini hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, jika rakyat silap memilih kerajaan semata-mata dipengaruhi oleh perasaan marah, ia hanya akan merugikan diri mereka sendiri.

"Buat apalah buat keputusan semasa marah, kita kena fikir dengan fikiran

yang tenang kerana ia (pembentukan kerajaan) melibatkan kehidupan kita yang sempurna.

"Kalau kita buat keputusan kerana marah dan terpengaruh dengan hasutan bahawa orang itu jahat, orang ini jahat dan jangan pilih dia... pilih saya, akhirnya (kita) pilih (kerajaan) yang tidak baik," katanya.

Beliau berkata, walaupun sistem demokrasi merupakan sistem politik terbaik yang dicipta oleh manusia namun kadang kala rakyat memilih berdasarkan kepada perasaan bukannya membuat keputusan dengan memikirkan masa depan negara atau diri mereka sendiri.

"Oleh kerana mereka terpengaruh dengan perasaan marah dan benci, mereka membuat pilihan yang tidak bijak. Disebabkan marah kepada satu pihak, maka mereka menolak pihak itu dan memilih pihak yang tidak akan menentang kebaikan kepada negara dan mereka sendiri," katanya.

Dr. Mahathir berkata, keadaan itu menjadi bertambah buruk apabila ada pihak yang menggunakan keadaan itu untuk menipu rakyat demi kepentingan politik mereka.

"Walaupun sistem demokrasi boleh memajukan sesebuah negara tetapi ia bukan jaminan bahawa

hanya dengan mengamalkan demokrasi kita akan dapat membentuk kerajaan yang baik dan boleh memajukan negara," katanya.

Beliau berkata, apa yang diperlukan dalam sistem demokrasi ialah rakyat yang bijak membuat pilihan dan tidak mudah terpengaruh dengan perasaan marah dan benci yang tidak mempunyai asas sama sekali.

"Kalau tidak ada rakyat yang terlatih, terpelajar dan cekap dalam membuat penilaian dan keputusan sistem demokrasi akan membawa kepada keburukan kepada sesebuah negara," katanya.

Dr. Mahathir juga meminta rakyat menyingkirkan pandangan bahawa asalkan ada kerajaan sesebuah negara akan maju kerana ia adalah satu tafsiran yang salah.

"Pendapat ini berasaskan kepada pemikiran yang cetek kerana hanya mempunyai kerajaan ia tidak menjamin sesebuah negara itu dapat dimajukan."

"Semua negara mempunyai kerajaan tetapi tidak semua negara yang maju," katanya.

Beliau berkata, ini kerana kemajuan sesebuah negara bergantung kepada interaksi antara kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan

jentera pentadbiran yang dilantik.

"Kerajaan yang dipilih oleh rakyat boleh ditukar ganti tetapi jentera pentadbiran adalah kekal. mereka adalah golongan profesional yang mematuhi setiap arahan yang diberikan oleh pihak (kerajaan) yang dipilih oleh rakyat tersebut.

"Jika ada perubahan kerajaan mereka akan patuh kerajaan baru. Inilah sistem yang diamalkan oleh Malaysia sehingga membolehkan segala urusan rancangan dan dasar yang dibuat oleh kerajaan dilaksanakan dengan baik," katanya.

Dr. Mahathir berkata, jika jentera pentadbiran tidak profesional dengan terlibat dalam politik kepartian kemungkinan pentadbiran sesebuah negara tidak dapat dijalankan dan sebarang bentuk kemajuan tidak akan dicapai.

Perdana Menteri mengakhiri ucapan selama hampir sejam itu dengan mengingatkan semua pihak bahawa "sama ada negara kita akan maju atau pun tidak, ia bergantung kepada kita sendiri."

"Kalau kita tidak bijak (memilih) negara kita akan bergelumbang dengan huru-hara dan kita akan menjadi mangsa," katanya.